

Headline	TNB selesai 15,000 aduan pengguna		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	2
ArticleSize	244 cm ²	Journalist	Oleh Nora Mahpar
PR Value	RM 24,240		



ISU PENINGKATAN MENDADAK BIL ELEKTRIK

TNB selesai 15,000 aduan pengguna

➔ Syarikat buat ujian meter di rumah kenal pasti masalah

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my
► Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Bhd (TNB) sudah menyelesaikan 15,000 aduan pemegang akaun susulan peningkatan mendadak tarif elektrik dalam bil pelanggan kediaman pada Mei lalu.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amir Hamzah Azizan, berkata setakat kelmarin,

pihaknya menerima 18,600 aduan berhubung tarif bil pengguna.

"Terdapat peningkatan aduan berbanding dua minggu lalu di mana ketika itu hanya 14,000 aduan diterima dan kita lihat kemajuan penyelesaian sangat cepat.

Pulang lebih caj

"Kita masih fokus untuk selesaikan masalah pelanggan dan baki lebih 3,000 akaun, kita akan ke rumah pengguna buat ujian meter bagi kenal pasti masalah sebenar.

"Jadi dari sini, jika ada kesilapan daripada TNB atau terlebih caj, kita akan pulangkan kepada pengguna," katanya kepada media pada Majlis Mesra Aidilfitri TNB di Kuala Lumpur, semalam.

TNB sebelum ini mengakui ada gangguan dalam sistem mereka pada 15 Mei hingga 20 Mei lalu menyebabkan segelintir pengguna menerima bil tinggi.

Isu teknikal berkenaan memberi kesan kepada sistem pengebilan TNB, namun pelanggan sudah dimaklumkan berhubung hal itu.

Mengulas tindakan Suruhanjaya Tenaga (ST) yang akan mengenakan penalti kepada TNB selepas syarikat utiliti itu didapati melakukan beberapa kesalahan antaranya kesalahan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990, Amir Hamzah berkata, buat masa sekarang pihaknya tidak menerima surat daripada suruhanjaya berkenaan.

"Buat masa ini kita belum tengok lagi. Apa yang penting, kita selesaikan masalah pengguna. Itu keutamaan ketika ini," katanya.